

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/cipta-alat-pengesan-kualiti-buah-nanas-pasukan-malaysia-juarai-imagine-cup-asia-2018-172154>

5 April 2018

Ciptaan alat pengesan kualiti buah nanas, pasukan Malaysia juarai Imagine Cup Asia 2018



Pasukan Malaysia (darikiri) ZulnazimDzulkurnain, Tan Yit Peng dan Yap Xien Yin, tidak sabar untuk mencipta sejarah baharu bagi mengungguli Imagine Cup peringkat duniaJulai ini. - Astro AWANI

KUALA LUMPUR: Pasukan dari Malaysia, The Pine, berjaya mengharumkan nama negara apabila muncul juara Imagine Cup 2018 peringkat Asia anjuran Microsoft Corporation di ibu negara.

Hasil ciptaan alat pengesan kualiti buah nanas oleh tiga pelajar Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) itu, berjaya menjulang nama Malaysia lebih-lebih lagi apabila negara ini menerima hadiah rumah buat kali pertama dalam sejarah kejohanan tersebut.

Menurut ketua pasukan, Tan Peng Yit, idea penciptaan alat pengesan kualiti buah nanas merupakan idea bersama pensyarahnya yang ketika mendapat sambutan baik.

“Kebiasaananya, buah nanas dipotonguntukmenilaitahap kualiti.

“Penggunaanalatinimampumemudahkanpetaniuntukmenilaikualitibusah nanas dengan mudah dan pantas, serta mengurangkan pembaziran buah yang dipotong,” kata beliauketika ditemubual Astro AWANI selepas diumumkan sebagai juara.

Bagirakan sepasukannya, Yap Xien Yin, kemenangan itu menjadisuntikan semangat kepada mereka untuk mencipta sejarah di Amerika Syarikat (AS).

“Kami tidak sabar untuk bertanding di AS. Ciptaan ini juga akan ditambah baik kerana di AS, kami akan membawa projek yang samadan menyarkan untuk berada pada kedudukan tiga teratas,” ujarnya.

Pasukan negara akan bersaing dalam kejuaraan dunia pada bulan Julai ini serta membawapulang sebuah piala dan wang berjumlah AS\$3,000 (RM11,600).

Imagine Cup merupakan satukan johan antar teknologi dan inovasi yang terdiri daripada pelajar universiti dan pertandingan di setiap benua sebelum berentap ke kejohanan dunia di Seattle, AS.